

Headline	TNB bangunkan sistem THySIS untuk lindungi spesies pokok terancam		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	06 Mar 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	15	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	110 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 820
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,460



TNB bangunkan sistem THySIS untuk lindungi spesies pokok terancam

KUALALUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang membangunkan Tree Hyperspectral Identification System (THySIS), bagi memastikan pembinaan menara penghantarannya tidak menjejaskan spesies pokok terancam.

Ketua Pegawai Grid TNB Dev Anandan berkata, sistem yang pertama seumpamanya di negara ini, dapat mengesan spesies pokok terancam secara automatik, menggunakan teknik penderiaan jauh.

“Sistem THySIS ini akan

mbolehkan kami mengenal pasti flora dan fauna di kawasan terlibat, sebelum mengemukakan cadangan laluan penghantaran, berbanding sebelum ini yang bergantung sepenuhnya kepada maklumat pihak berkuasa hutan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dev berkata sistem itu, akan digunakan apabila Jabatan Perancangan Tanah di TNB mahu mengenal pasti laluan atau jajaran rentis, untuk kerja-kerja pembangunan menara talian penghantaran yang baharu.

Beliau berkata sistem THySIS beroperasi dengan menggunakan kaedah LIDAR (pengesanan dan julat cahaya) bersama kaedah hiperspektral yang dipasang pada dron.

Kedua-dua sistem itu, mengumpul data-data mengenai tumbuhan dan memetakannya dalam bank imej.

Dev berkata penggunaan THySIS, membolehkan TNB mengesan lebih awal jenis-jenis tumbuhan di kawasan cadangan, sekali gus dapat membuat pemilihan laluan bagi pembinaan menara dan

talian penghantaran, agar mengelak kawasan spesies pokok terancam.

“Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), telah mengenal pasti 40 spesies pokok yang tidak boleh ditebang, kerana mengalami kepupusan,” katanya.

Dev berkata projek itu dijangka mampu membantu TNB dan negara, memulihara hutan simpan dan tumbuhan unik khususnya menyelamatkan spesies terancam daripada mengalami kepupusan. — Bernama